

## **Lelaki Malaysia dihukum mati kerana seludup dadah ke Indonesia**

September 17, 2015, Thursday

JAKARTA: Seorang lelaki warga Malaysia dikenakan hukuman mati oleh Mahkamah Daerah Pekanbaru kelmarin selepas didapati bersalah menyeludup dadah jenis Methamphetamine seberat 46.5kg ke negara itu, April lepas.

Menurut akhbar berbahasa Inggeris, 'The Jakarta Post' semalam, tertuduh Ng Hai Kuan, yang juga dikenali sebagai Jimmy, 55, ditangkap oleh pihak berkuasa Indonesia dengan dadah bernilai Rp180 bilion (kira-kira RM44 juta).

Panel hakim diketuai Amin Ismanto memutuskan Ng bersalah memilik dadah tersebut yang dibungkus dalam 93 paket yang dirampas oleh polis Riau di Hotel Parma di Pekanbaru, 2 April lepas.

"Dadah gred pertama itu diperolehi daripada seorang lelaki dikenali dengan singkatan ABE, seorang penduduk Melaka di Malaysia. Dadah tersebut sepatutnya dihantar kepada kawan ABE di Palembang, Sumatera Selatan," kata Amin seperti dipetik oleh akhbar itu.

Dalam prosiding sebelum ini, beberapa saksi memberitahu bahawa dadah itu dibawa dalam dua beg pakaian berwarna hitam yang diseludup dengan bot laju dari sebuah jeti di Dumai. — Bernama